



NCRC ONLINE: Kewujudan Wilayah Pembangunan Ekonomi Utara (NCER) yang merangkumi negeri-negeri utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara adalah merupakan cetusan idea Yang Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi iaitu Mantan Perdana Menteri Malaysia Ke- 4 dilihat mampu menjana ekonomi negara pada jangka masa yang panjang. NCER yang merupakan salah satu Wilayah Pembangunan Ekonomi yang telah dilancarkan sekitar tahun 2004 ini dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai ekonomi bertaraf dunia pada tahun 2025. Ianya berlandaskan kepada kelestarian ekonomi yang berpaksi kepada kehidupan seimbang dengan pembangunan ekonomi secara holistik.

Untuk menyokong hasrat murni kerajaan ini, maka Seminar Transformasi Sosio-Ekonomi di Wilayah NCER atau singkatannya NSONCER 2012 telah diinisiatifkan hasil usaha dan kerjasama dua buah universiti iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Seminar di bawah penganjuran Northern Corridor Research Centre (NCRC) - UUM, dengan kerjasama Unit Pembangunan Lestari,– UniMAP.

Tema Seminar yang akan diadakan ialah **“Transformasi Sosio-ekonomi Di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) Pemangkin Negara Maju”**. Sub-tema bagi seminar ini ialah bidang-bidang tujahan atau teras – teras transformasi di NCER iaitu Pertanian, Pelancongan, Pembuatan, Infrastruktur dan Pendidikan.

Objektif seminar kebangsaan ini adalah:

1. Memberi input-input mengenai pembangunan sosio-ekonomi di NCER kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi mengenalpasti serta meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program-program untuk memajukan ekonomi di kawasan NCER.
2. Mewujudkan satu *platform* yang terbaik dalam usaha untuk percambahan idea-idea baru dan ilmu pengetahuan dalam aspek pembangunan lestari melalui konsep pembangunan wilayah koridor.
3. Memberi kesedaran akan peranan-peranan yang perlu dimainkan dengan sewajarnya oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan program-program yang akan dilaksanakan bagi memajukan NCER.